

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
(JERANTUT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.06.2015

Y.B. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan peniaga yang dilaporkan melanggar Goods And Services Tax (GST) Act dan berapakah yang telah didakwa sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Para peniaga wajib mematuhi undang-undang dan peraturan GST. Sehingga 21 Mei 2015, sebanyak 5,194 aduan berkaitan isu GST telah diterima oleh JKDM sejak GST dilaksanakan meliputi antara lain kenaikan

harga barang, pengeluaran invois yang tidak menepati kriteria yang ditetapkan, kesalahan klasifikasi barang dan pengesahan layanan GST ke atas pembekalan. Bagi kesalahan dibawah kendalian KPDNKK, sebanyak 815 kes dalam siasatan dan 44 kes akan dibawa ke mahkamah.

Untuk makluman Yang Berhormat, JKDM melalui Jabatan Peguam Negara telah membuka 13 kertas siasatan di mana 2 dalam proses pendakwaan di bawah seksyen 33(2)(b) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan 11 lagi dalam proses siasatan. Selain itu, KPDNKK turut mengeluarkan tiga dakwaan terhadap peniaga yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Sehingga 14 Mei 2015, dua syarikat telah disabitkan kesalahan di Mahkamah Sesyen di bawah Seksyen 14(1), Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dengan jumlah denda sebanyak RM140,000.

JKDM melaksanakan operasi secara berterusan bagi mengesan kesalahan yang dilakukan oleh peniaga supaya peniaga membuat semua dokumentasi dan rekod berhubung transaksi perniagaan termasuklah resit pembelian dan penjualan dengan tepat untuk mengelakkan sebarang kesilapan dan kes penipuan terhadap pengguna.